



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN  
BERITA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**1 OGOS 2023 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**1 OGOS 2023 (SELASA)**

## Harga lebih rendah dedah ketirisan ke negara jiran

**Kuala Lumpur:** Harga barangan kawalan yang lebih rendah di negara ini menyebabkan ia terdedah kepada aktiviti penyelewengan dan ketirisan ke negara jiran seperti di Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkata, barangan yang ditetapkan harga kawalan oleh kerajaan itu adalah lebih rendah berbanding barang yang sama di negara jiran seperti Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia.

"Justeru barangan berkenaan terdedah kepada penyelewengan iaitu penyeludupan untuk dijual semula di negara mereka atau ketirisan untuk kegunaan mereka sendiri.

"Kegiatan penyeludupan juga dijadikan sebagai satu kerjaya dan perniagaan yang akan berterusan. Inilah yang berlaku selama ini.

"Walaupun kita meningkatkan keupayaan penguatkuasaan dan berkolaborasi dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), National Anti-Financial Crime Centre (NFCC),

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), ia tetap berlaku dengan pelbagai teknik dan teknologi.

"Akhirnya ketirisan dan kerugian pada pihak kerajaan mengalir terus kerana penyeludupan adalah satu perniagaan yang susah untuk dikekang," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri KPDN Fuziah Salleh berkata, bagi ketirisan petrol, Op Tiris dilaksanakan bagi tempoh enam bulan bermula 1 Mac sehingga 31 Ogos lalu dengan tujuan menangani



**Negeri-negeri di sempadan harus digalakkan untuk membina PES ini yang berdekatan dengan sempadan agar mudah untuk rakyat negara jiran berurus niaga dalam keadaan yang terkawal dan mengurangkan ketirisan subsidi negara,"**

**Fuziah Salleh**

isu ketirisan dan aktiviti penyelewengan produk petroleum bersubsidi.

"Sehingga 31 Mei lalu, sebanyak 7,013 pemeriksaan dijalankan dan sebanyak 220 kes dihasilkan membabitkan nilai rampasan diesel berjumlah RM6,823,508.00.

"Kita akan teruskan penguatkuasaan tetapi KPDN mempunyai cadangan yang lebih bersifat progresif kepada Kerajaan," katanya.

Fuziah berkata, beliau juga akan meneruskan hasrat Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub bagi melaksanakan Pusat Ekonomi Sempadan (PES).

"KPDN akan mencadangkan kepada kerajaan senarai barang yang berpotensi serta harga tanpa subsidi terhadap barangan berkenaan dan barang-barang lain untuk dipasarkan di PES dan dieksport di masa hadapan.

"Negeri-negeri di sempadan harus digalakkan untuk membina PES ini yang berdekatan dengan sempadan agar mudah untuk rakyat negara jiran berurus niaga dalam keadaan yang terkawal dan mengurangkan ketirisan subsidi negara," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

**1 OGOS 2023 (SELASA)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 1 OGOS 2023**

<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PAUTAN</b>	<b>MEDIA</b>
1-Aug	KPDN komited dalam laksana Jualan	<a href="https://youtu.be/85EwObvjpfc">https://youtu.be/85EwObvjpfc</a>	SUARA MERDEKA
1-Aug	KPDN   Armizan Pangku Tugas Menteri KPDN	<a href="https://youtu.be/SwjwKXXJ1aM">https://youtu.be/SwjwKXXJ1aM</a>	BULETINTV3
1-Aug	Lantikan menggantikan menteri KPDN	<a href="https://youtu.be/7LjBmbSrLMk">https://youtu.be/7LjBmbSrLMk</a>	BERNAMATV
1-Aug	Rahmah sale: Supermarket answers Govt's call to reduce people's burden	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/936876/rahmah-sale-supermarket-answers-govts-call-">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/936876/rahmah-sale-supermarket-answers-govts-call-</a>	NST
1-Aug	KPDN komited perluas Program Jualan Rahmah Bergerak	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/kpdn-komited-perluas-program-jualan-rahmah-bergerak">https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/kpdn-komited-perluas-program-jualan-rahmah-bergerak</a>	SUARAKEADILAN
1-Aug	Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup M'sia baharu akan diumumkan selepas PRN	<a href="https://berita.mediacorp.sg/dunia/menteri-perdagangan-dalam-negeri-dan-kos-sara-hidup-msia-baharu-akan-diumumkan-selepas-prn-774846">https://berita.mediacorp.sg/dunia/menteri-perdagangan-dalam-negeri-dan-kos-sara-hidup-msia-baharu-akan-diumumkan-selepas-prn-774846</a>	BERITAMEDIACORP